

KONSEP *USLUB AMR* BAGI KONTEKS AKIDAH DALAM SURAH AL-MULK BERDASARKAN PENDAPAT AL-AWSI

THE CONCEPT OF *USLUB AMR* IN THE CONTEXT OF
ISLAMIC CREED IN SURAH AL-MULK BASED ON AL-
AWSI'S OPINION

Syakirah Rifa'in @ Mohd Rifain^{*e}, *Mat Taib Pa*^{*},
Mohamad Hussin^{*}, *Faizuri Abd. Latif*^{**}

^{*}Department of Arabic & Middle Eastern Languages.
Faculty of Languages and Linguistics. Universiti Malaya.
50603. Kuala Lumpur. Malaysia.

^{**}Department of Aqidah & Islamic Thought. Academy of
Islamic Studies. Universiti Malaya. 50603. Kuala Lumpur.
Malaysia.

Email: ^{*e}syakirah87@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/afkar.vol25no1.11>

Abstract

Al-Qur'an has its own beauty secret with various uses of *uslub amr*. This study aims to identify the implicit or secret meaning of the use of *fi'il amr* in the field related to Islamic Creed. This study is a qualitative study that uses al-Awsi's opinion and text analysis techniques based on the context of the verse by using related interpretations from past and modern scholars. Overall it is found that the use of *amr* for the context of Islamic Creed in surah al-Mulk is not used in any other form except *fi'il amr* only. The study found that there are ten verses that use *fi'il amr* for the context of Islamic Creed in surah al-Mulk. The study summarizes that *fi'il amr* is used as a very firm and strong instruction on basic matters in the context of faith for matters of *al-Ilahiyyat* and *al-Sam'iyat* because it involves faith in Allah, Angels, the Qur'an, the Messenger and the Day of Judgment which is obligatory believed by Muslims. The *uslub*

amr used in the Qur'an has its own secrets and techniques because it has an implicit meaning for each form of *amr*. Therefore, the use of *amr* is planned and not without a specific arrangement. This needs to be learned so that it can be used as a guide and lesson in everyday life.

Keywords: al-Qur'an; Islamic Creed; al-Mulk; *fi'il amr*; al-Awsi's opinion.

Khulasah

Al-Qur'an mempunyai rahsia keindahan yang tersendiri dengan pelbagai penggunaan *uslub amr*. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti maksud tersirat atau rahsia penggunaan *fi'il amr* dalam bidang akidah Islam. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendapat al-Awsi serta menggunakan teknik analisis teks berdasarkan konteks ayat dengan menggunakan tafsir-tafsir yang berkaitan dari ulama silam dan moden. Secara keseluruhan didapati bahawa penggunaan *amr* bagi konteks akidah dalam surah al-Mulk tidak digunakan dalam bentuk lain kecuali *fi'il amr* sahaja. Kajian mendapati bahawa terdapat sepuluh ayat yang menggunakan *fi'il amr* bagi konteks akidah Islam dalam surah al-Mulk. Kajian merumuskan bahawa *fi'il amr* digunakan sebagai arahan yang sangat tegas dan kuat terhadap perkara asas dalam konteks akidah bagi perkara *al-Ilahiyyat* dan *al-Sam'iyat* kerana melibatkan keimanan kepada Allah, Malaikat, al-Qur'an, Rasul dan Hari Kiamat yang wajib diimani oleh orang Islam. *Uslub amr* yang digunakan dalam al-Qur'an mempunyai rahsia dan teknik tersendiri kerana ia mempunyai maksud tersirat bagi setiap bentuk *amr*. Justeru, penggunaan *amr* adalah terancang bukan tanpa sesuatu perkiraan tertentu. Hal ini perlu diambil pelajaran agar dapat dijadikan panduan dan iktibar dalam kehidupan seharian.

Kata kunci: al-Qur'an; akidah Islam; al-Mulk; *fi'il amr*; pendapat al-Awsi.

Pendahuluan

Al-Qur'an dan bahasa Arab tidak dapat dipisahkan kerana kedua-duanya diibaratkan seperti isi dengan kuku. Usaha untuk memahami dan mentafsirkan al-Qur'an tidak sempurna tanpa menguasai bahasa Arab terlebih dahulu. Begitulah juga kemahiran ahli bahasa khususnya bahasa Arab tidak lengkap tanpa mengkaji dan menyeidiki al-Qur'an, mukjizat teragung Rasulullah SAW. Al-Qur'an menjadi rujukan bagi manusia untuk dijadikan panduan kerana di dalamnya terkandung mesej Allah yang berupa hukum dan syariatNya seperti firman Allah SWT dalam surah al-Ra'd ayat 37:

وَكَذَلِكَ أَنْزَلْنَاهُ حُكْمًا عَرَبِيًّا

Terjemahan: "Demikianlah Kami menurunkan al-Quran sebagai hukum dalam bahasa Arab."

Bahasa Arab merupakan bahasa unggul yang telah dipilih oleh Allah SWT sebagai bahasa al-Qur'an, dengan keistimewaannya yang tidak boleh ditandingi. Perkataan-perkataannya yang mempunyai kekuatan makna menjadikannya mampu memenuhi setiap maksud yang ingin disampaikan. Nabi Muhammad SAW meletakkan bahasa ini sebagai bahasa utama agama Islam kerana baginda adalah sefasih-fasih bangsa Arab.

Kandungan al-Qur'an yang penuh dengan rahsia keindahan dan keunikan sering menjadi tumpuan para pengkaji dan pencinta ilmu sepanjang zaman termasuklah dalam kalangan ahli-ahli bahasa. Para pengkaji berusaha memahami ayat-ayat al-Qur'an untuk menyerlahkan keagungan serta ketinggian *kalamullah* sama ada dari aspek semantik, sintaksis atau balaghah. Keistimewaan al-Qur'an tidak dapat ditandingi oleh kitab lain kerana keindahan *uslub* atau gaya bahasa, kehalusan maknanya yang mempunyai makna tersurat dan tersirat, juga mempunyai susunan bahasa yang khusus, di samping

merakamkan pelbagai peristiwa dan kisah sepanjang zaman sama ada telah berlaku atau akan berlaku.

Akidah merupakan dimensi kepercayaan dan pegangan yang menuntut keimanan jitu kepada Allah SWT. Keimanan yang dikehendaki di sini ialah suatu pegangan yang tidak mudah diganggu oleh keraguan dan kesamaran. Bukti-bukti yang terang dan jelas daripada al-Qur'an dan Sunnah menunjukkan bahawa sejak mulai munculnya dakwah Islamiyah, Rasulullah sangat menekankan persoalan akidah dan keimanan¹.

Surah al-Mulk umumnya menceritakan tentang akidah iaitu kewujudan dan keesaan Allah SWT dengan menceritakan kekuasaan dan pengetahuanNya, amaran tentang Hari Kiamat dan peringatan tentang nikmat Allah kepada hambaNya. Penggunaan *uslub amr* dalam surah al-Mulk berkait rapat dengan konteks akidah kerana secara keseluruhannya hanya *uslub* berbentuk *fi'l amr* sahaja digunakan dalam surah ini.

Perkataan *amr* secara leksikal bermaksud perintah. Menurut Ibn Manzur², perkataan *أَمَرَ يَأْمُرُ أَمْرًا* dari sudut bahasa bermaksud perintah atau suruhan. Ia adalah lawan bagi *nahy* yang bermaksud tegah. Manakala *jama'* bagi perkataan *أمر* ialah *أوامر*. Firman Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 71:

﴿وَأْمُرْنَا لِنُسَلِّمَ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ﴾

Terjemaman: "... Dan kita disuruh agar menyerah diri kepada Tuhan semesta alam."

¹ Mohd Fauzi Hamat et al., "Pendalilan Naqli dan 'Aqli tentang Wujud Allah menurut al-Ghazali Berdasarkan Kitab *Ihya' 'Ulum al-Din*," *Afkar: Jurnal Aqidah & Pemikiran Islam* 23(1) (2021), 91; Sabiruddin, "Akidah Asas Kesempurnaan Insan," *Al-Hikmah: Journal of Islamic Dakwah* 4 (2012), 106-110.

² Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab* (Kaherah: Dar al-Ma'arif, t.t.), 125-126.

Terdapat juga perkataan yang sama tetapi memberi makna yang berbeza iaitu *أمر* dan *jama'nya* adalah *أُمُور* yang bermaksud perkara atau urusan.

Dari sudut istilah pula dalam terminologi ilmu Balaghah, *amr* menurut 'Abbas, ialah menuntut sesuatu perbuatan oleh orang yang lebih tinggi kedudukannya³. Dengan kata lain, *amr* adalah tuntutan mengerjakan sesuatu oleh orang yang lebih tinggi kepada yang lebih rendah kedudukannya. Antara contoh *amr* ialah firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 110:

وَأَنْفَعُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ

Terjemahan: "Dan belanjalah di jalan Allah."

Secara umumnya, *amr* mempunyai maksud secara langsung dan tidak langsung. Makna secara langsung atau diistilahkan sebagai makna hakiki atau tersurat menunjukkan makna suruhan secara jelas, sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Baqarah ayat 43:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ

Terjemahan: "Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk."

Makna secara tidak langsung atau *majazi* pula adalah sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Baqarah ayat 187:

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ

Terjemahan: "Dan makan dan minumlah hingga jelas bagimu benang putih dan benang hitam, yakni fajar."

³ Fadl Hassan 'Abbas, *Ilm al-Ma'ani* (Jordan: Dar al-Furqan, 1997), 21.

Menurut 'Abbas terdapat lima bentuk atau *sighah amr* iaitu⁴:

1. *Fi'il amr* iaitu kata kerja perintah atau kata kerja imperatif yang menuntut untuk dilaksanakan selepas ia diperintahkan. Contohnya firman Allah SWT dalam al-Nur ayat 54:

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ^ط

Terjemahan: "Katakanlah taatlah Allah dan taatlah Rasul."

2. *Lam amr* yang bersambung dengan *fi'il mudari'* yang bermaksud 'hendaklah'. Contohnya dalam surah al-Talaq ayat 7:

لِيُنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ^ط وَمَن قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ^و
فَلْيُنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ^٥

Terjemahan: "Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya, dan sesiapa yang disempitkan rezekinya maka hendaklah ia memberi nafkah daripada apa yang Allah berikan padanya."

3. *Ism Masdar*. Contohnya Allah SWT berfirman dalam surah al-Isra' ayat 23 iaitu:

﴿وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا^٥

Terjemahan: "Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan berbuat baiklah kepada ibubapa".

Lafaz *إحسانا* dalam ayat tersebut ialah *masdar* yang mengganti *fi'il amr* yang bermaksud berbuat baiklah.

⁴ *Ibid.*, 149.

4. *Ism fi'il* seperti firman Allah SWT dalam al-Ma'idah, 105:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا عَلَيْكُمْ أَنْفُسِكُمْ لَا
يُضُرُّكُمْ مَن ضَلَّ إِذَا أَهْتَدَيْتُمْ

Terjemahan: "Wahai orang-orang yang beriman, jagalah diri kamu, tiadalah orang yang sesat itu akan memberi mudarat kepada kamu apabila kamu telah mendapat hidayah petunjuk."

5. *Uslub khabari* yang memberi makna *insha'i*. Contohnya firman Allah SWT dalam al-Baqarah, 233:

﴿وَالْوَالِدَاتُ يُرْضَعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ
أَرَادَ أَنْ يُتِمَّ الرَّضَاعَةَ

Terjemahan: "Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan."

Dalam makalah ini penulis hanya memfokuskan kepada satu bentuk *amr* sahaja iaitu bentuk *fi'il amr* memandangkan hanya bentuk tersebut sahaja yang terdapat dalam konteks akidah dalam surah al-Mulk. Surah ini dinamakan sebagai *al-Mulk* yang bererti pemerintahan yang menunjukkan tanda kebesaran Allah SWT yang memiliki kerajaan semesta alam. Ia juga dinamakan *al-Waqi'ah* (pelindung) dan *al-Munjiyah* (penyelamat) daripada seksaan azab kubur. Bahkan juga Ibn 'Abbas menamakan surah ini *al-Mujadilah* iaitu mempertahankan supaya menjadi hujah kepada pembacanya di dalam kubur.

Perbahasan Akidah dalam Surah al-Mulk

Surah ini secara umumnya menfokuskan tentang perbahasan akidah seperti surah-surah Makkiiyyah yang lain. Dari sudut bahasa perkataan عقيدة diambil daripada kalimah العقد yang membawa maksud الربط (simpulan), التوثق (ikatan), الشد بقوة (ikatan yang kuat), التماسك (saling pepegang) dan الإحكام (mantap dan teliti)⁵.

Dari sudut istilah pula, akidah bermaksud keyakinan hati yang kuat seperti keyakinan terhadap keesaan dan kewujudan Allah yang tidak ada syak padanya sebagaimana yang diimani dan diiktikad dengan hati oleh orang mukmin⁶. Justeru, akidah bermaksud pegangan yang kukuh atau kuat terhadap apa yang diimani oleh seseorang tanpa ada keraguan atau syak padanya.

Perbahasan akidah terbahagi kepada beberapa bahagian utama iaitu *al-Ilahiyyat*, *al-Nubuwwat* dan *al-Sam'iyat*.⁷ *Al-Ilahiyyat* membicarakan mengenai sesuatu yang berkaitan dengan Allah SWT seperti sifat Allah, nama dan perbuatan-Nya dan yang berkaitan dengannya⁸. Hal ini juga sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Bayjuri dalam *Tuhfat al-Murid* yang menjelaskan bahawa *al-Ilahiyyat* adalah mengenai sifat-sifat Allah SWT.⁹ Ia juga adalah berkaitan dengan keimanan terhadap Allah SWT dan keesaanNya yang menjadi asas rukun iman kerana meliputi zat, sifat dan perbuatan Allah SWT serta yang

⁵ Amal bin Abd al-'Aziz al-'Amru, *al-Alfaz wa al-Mustalahat al-Muta'alliqah bi al-Tawhid al-Rububiyyah* (Arab Saudi: Jami'ah al-Imam Muhammad bin Su'ud al-Islamiyyah, 2019), 317.

⁶ Muhammad bin Ibrahim al-Hamd, *'Aqidah Ahl-Sunnah wa al-Jama'ah* (Riyadh: Dar Ibn Khuzaymah, 1998) 10.

⁷ Mohd Nasir Utut & Faizuri Abd Latif, "Beberapa Penelitian Terhadap Konsep Azab Kubur Menurut Tuan Minal Melalui Karyanya Kashf Al-Ghaybiyyah," *Afkar: Jurnal Aqidah & Pemikiran Islam* 23(1) (2021), 50.

⁸ Hasan al-Banna, *Majmu' al-Rasa'il* (t.tp.: t.p., t.t.), 290.

⁹ Ibrahim Muhammad al-Shafi'i al-Bayjuri, *Tuhfat al-Murid* (Beirut: Dar 'Ilmiyyah, 2004), 62.

berkaitan dengannya¹⁰. *Al-Nubuwwat* pula membahaskan mengenai sesuatu yang berkaitan dengan Nabi dan Rasul seperti sifat-sifat, keistimewaan serta keutamaan untuk menyampaikan risalah mereka serta mukjizat, kemuliaan dan kitab-kitab Allah¹¹. Manakala *al-Sam'iyat* membicarakan berkaitan kehidupan di alam barzakh dan kehidupan akhirat seperti tanda-tanda Kiamat, kehidupan di alam kubur, kebangkitan, syurga dan neraka dan sebagainya¹².

Dalam konteks hubungan antara akidah Islam dan surah al-Mulk, secara amnya surah ini membincangkan kekuasaan Allah SWT yang mampu melakukan segala sesuatu yang dikehendakiNya, menghidupkan dan mematikan, menghinakan dan mengaibkan, mengkayakan dan memiskinkan serta memberi dan menghalang sesuatu¹³. Menurut al-Zuhayli dalam *Tafsir al-Munir*, surah al-Mulk adalah seperti surah-surah Makkiyyah lain yang membicarakan berkaitan asas akidah iaitu bukti kewujudan Allah dan kebesaranNya, kekuatan serta kekuasaan Allah SWT, bukti-bukti keesaan-Nya dan berita mengenai hari kebangkitan.

Al-Zuhayli memperincikan lagi bahawa al-Mulk menceritakan tentang kemuliaan Allah SWT, kekuasaan-Nya mencipta dan menguasai seluruh alam, serta menghidupkan kembali dan mematikan. Begitu juga kekuasaan Allah SWT menciptakan tujuh lapisan langit berhiaskan bintang yang sebahagiannya menjadi alat pengusir syaitan. Kemudian dijelaskan lagi kekuasaan Allah SWT menyediakan azab neraka bagi orang-orang kafir dan memberi berita gembira untuk orang mukmin dengan pengampunan dan balasan yang baik.

¹⁰ Mohd Aizam Mas'od, *Diskusi Isu Akidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013), 39.

¹¹ Al-Bayjuri, *Tuhfat al-Murid*, 63-64.

¹² Al-Banna, *Majmu' al-Rasa'il*, 290.

¹³ Muhammad 'Ali al-Sabuni, *Safwah al-Tafsir* (Kaherah: Dar al-Sabuni, t.t.), 3:414.

Selain itu, kandungan surah ini juga berkaitan kekuasaan Allah SWT terhadap sesuatu yang tersembunyi atau pun zahir. Begitu juga dengan urusan rezeki manusia yang diberikan oleh Allah SWT dalam pelbagai cara. Disebutkan juga bahawa orang-orang yang takut melanggar hukum Tuhannya semasa mereka tidak dilihat orang dan semasa mereka tidak melihat azab Tuhan, akan beroleh keampunan dan pahala yang besar. Di samping itu, ditegaskan bahawa Allah berkuasa mendatangkan gempa bumi yang dahsyat serta menahan sayap burung-burung yang berterbangan. Allah jualah yang mendatangkan air ketika kita dalam kekeringan. Demikianlah Allah berkuasa memberikan segala kelebihan sama ada penglihatan, pendengaran, akal atau apa sahaja¹⁴.

Ringkasnya surah al-Mulk membicarakan berkaitan asas akidah iaitu bukti kewujudan Allah dan kebesarannya, kekuatan serta kekuasaan Allah SWT, bukti-bukti keesaannya dan berita-berita mengenai hari kebangkitan¹⁵. Seterusnya al-Razi dalam tafsirnya *Mafatih al-Ghayb* membicarakan kekuasaan Allah SWT terhadap seluruh makhluknya meliputi semua yang ada sama ada yang telah atau belum diciptakan. Maka sekiranya ada sesuatu dengan kekuasaannya pada zat selain Allah SWT maka ia adalah kemustahilan yang tidak mungkin berlaku¹⁶.

Antara contoh aspek akidah yang dibincangkan dalam surah al-Mulk ialah kejadian Allah SWT sebagai bukti kepada hamba-hambanya untuk mengenal keesaannya melalui susunan ciptaannya serta keajaiban dan kebijaksanaanNya menciptakan langit dan bumi, selain

¹⁴ Wahbah al-Zuhayli, *Tafsir al-Munir* (Beirut: Dar al-Fikr al-Ma'asir, 1999), 34.

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶ Muhammad Fahkr al-Din al-Razi, *Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghayb* (Beirut: Dar al-Fikr, 2000), 55-56.

penciptaan manusia, roh serta apa yang ada di dalamnya. Ia sebagaimana dijelaskan dalam surah al-Mulk ayat 3;

الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ طِبَاقًا مَّا تَرَى فِي خَلْقِ
الرَّحْمَنِ مِن تَفْوُوتٍ فَأَرْجِعِ الْبَصَرَ هَلْ تَرَى مِن
فُطُورٍ ﴿٣﴾

Terjemahan: "Yang menciptakan tujuh langit berlapis-lapis. Tidak akan kamu lihat sesuatu yang tidak seimbang pada ciptaan Tuhan Yang Maha Pengasih. Maka lihatlah sekali lagi, adakah kamu lihat sesuatu yang cacat?"

Hal ini juga disebut oleh al-Samarqandi bahawa ciptaan Allah SWT di dunia ini sangat unik dan indah serta sempurna sebagaimana apa yang Dia kehendaki¹⁷. Diperintahkan ayat-ayat berkaitan dalam bentuk *amr* supaya manusia memerhati dengan lebih dalam dan bukan hanya melihat dengan mata kasar kerana bukti tersebut menunjukkan bahawa Allah SWT itu bersendirian dalam *uluhiyyat* dan tiada pencipta lain selain Dia. Sayyid Qutb menjelaskan juga bahawa tujuh langit yang disebut tidak dapat ditentukan dengan teori-teori astronomi kerana ia sentiasa memerlukan kepada pindaan apabila alat yang digunakan semakin maju¹⁸. Cukup bagi kita mengetahui ada tujuh langit yang berlapis-lapis berdasarkan jarak jauh yang berbeza.

Kesimpulannya surah ini menceritakan tentang kewujudan dan keesaan Allah SWT dengan menceritakan kekuasaan dan pengetahuan-Nya, amaran tentang Hari Kiamat dan peringatan tentang nikmat Allah kepada hambaNya.

¹⁷ Al-Samarqandi, *Bahr al-Ulum* (Kaherah: Kuliyyah al-Lughah al-'Arabiyyah, Universiti al-Azhar, t.t.), 385

¹⁸ Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Quran* (Beirut: Dar al-Shuruq, 1972), 3632.

Makalah ini dengan itu bertujuan mengenal pasti ayat-ayat *amr* berkaitan akidah dalam surah al-Mulk yang menggunakan bentuk *fi'il amr* sahaja dan menganalisis sebab al-Qur'an hanya menggunakan satu bentuk sahaja iaitu *fi'il amr* dalam surah al-Mulk tanpa mempelbagaikan bentuk-bentuk lain. Contohnya seperti yang dinyatakan dalam ayat 3 dan 4:

فَارْجِعِ الْبَصَرَ هَلْ تَرَىٰ مِنْ فُطُورٍ ﴿٣﴾

Terjemahan: "Maka lihatlah sekali lagi, adakah kamu lihat sesuatu yang cacat."

ثُمَّ ارْجِعِ الْبَصَرَ كَرَّتَيْنِ يَنْقَلِبْ إِلَيْكَ الْبَصَرُ خَاسِئًا وَهُوَ حَسِيرٌ ﴿٤﴾

Terjemahan: "Kemudian ulangi pandangan (mu) sekali lagi (dan) sekali lagi nescaya pandanganmu akan kembali kepadamu tanpa menemukan kecacatan dan ia (pandanganmu) dalam keadaan letih (kerana tenaga habis dengan sia-sia)."

Ayat-ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa hanya bentuk *fi'il amr* sahaja yang digunakan sebanyak dua kali, iaitu *فَارْجِعِ* (ulangi) dan *ثُمَّ ارْجِعِ* (kemudian ulangi). Hal ini berbeza dengan konteks yang lain seperti haji, puasa, sedekah dan sebagainya yang menggunakan pelbagai bentuk *amr*. Contohnya dalam al-Baqarah ayat 183 berkaitan puasa yang menggunakan *uslub khabari* yang memberi makna *insha'i* dan *lam amr* seperti berikut;

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ

Terjemahan: "Diwajibkan kepada kalian berpuasa."

Ayat *amr* berkaitan puasa tersebut menerangkan tentang kewajipan berpuasa dengan menggunakan *uslub*

amr berbentuk *uslub khabari* yang memberi makna *insha'i*.

فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ

Terjemahan: "Sesiapa yang menyaksikannya (anak bulan) hendaklah berpuasa pada bulan itu (Ramadhan)."

Manakala ayat kedua dalam al-Baqarah 185 di atas dinyatakan bagi konteks yang sama berkaitan puasa tetapi menggunakan *uslub amr* yang berbeza iaitu *fi'il mudari'* yang dimasuki *lam amr* فليصمه (hendaklah berpuasa). Kedua-duanya masih dalam konteks sama tetapi menggunakan *uslub* yang berbeza. Perbandingan antara dua gaya penggunaan bentuk *amr* inilah yang menarik minat penulis untuk mengkaji dengan lebih mendalam penggunaan *fi'il amr* sahaja dalam surah al-Mulk.

Metodologi Pengaplikasian Pandangan al-Awsi

Makalah ini menganalisis dan menghuraikan secara terperinci ayat-ayat *amr* dengan menggunakan kaedah analisis teks dalam surah al-Mulk dari sudut tujuan *amr*. Dalam membuat pengumpulan data yang melibatkan *amr* dari sudut balaghah, sumber rujukan primer dalam bidang ini digunakan iaitu karya Fadl Hasan 'Abbas, *Ilm al-Ma'ani: Fununuha wa Afnanuha*.

Bagi pengumpulan data berkaitan *amr* dalam surah al-Mulk, ayat-ayat *amr* dikenalpasti kemudian dirujuk ayat-ayat tersebut dalam tafsir utama berkaitan *i'rab* seperti *Tafsir al-Qur'an al-Karim: I'rabuh wa Bayanuh* serta kitab *i'rab* yang lain untuk memastikan ketepatan penggunaan setiap bentuk *fi'il amr* tersebut. Ayat-ayat *amr* yang telah dikenal pasti disusun dalam bentuk jadual dengan dicatat bilangan juzuk, nama dan bilangan ayat dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu berpandukan terjemahan *Tafsir Pimpinan al-Rahman*.

Berhubung dengan huraian ayat-ayat *amr*, beberapa rujukan utama dipilih, antaranya Ibn Kathir, al-Maraghi,

Ibn 'Ashur dan al-Razi. Teknik analisis teks pula digunakan untuk mengumpul ayat-ayat *amr* tersebut seterusnya dianalisis dengan menerangkan terlebih dahulu tafsiran dan interpretasi setiap ayat berdasarkan kitab-kitab tafsir dan akidah yang dirujuk. Berdasarkan tafsiran tersebut setiap ayat diklasifikasikan kepada dua bahagian atau tema akidah iaitu *al-Ilahiyyat* dan *al-Sam'iyat*.

Ayat-ayat tersebut seterusnya dianalisis menggunakan pendapat al-Awsi dalam bukunya *Asalib al-Talab 'ind al-Nahwiyyin wa al-Balaghiyyin*. Karya ini menjelaskan mengenai maksud dan tujuan bentuk-bentuk *amr* dalam bahasa Arab seperti *fi'il amr*, *fi'il amr* yang dimasuki *lam amr*, *ism masdar*, *ism fi'il* dan *amr* yang berbentuk *khbar*¹⁹. Namun, penulisan ini memfokuskan kepada maksud dan tujuan *amr* yang berkaitan *fi'il amr* sahaja memandangkan bentuk *amr* yang digunakan dalam surah al-Mulk ini hanya berbentuk *fi'il amr*.

Mengikut pendapat al-Awsi, *fi'il amr* menunjukkan arahan secara tegas dan kuat berbanding dengan bentuk-bentuk *amr* yang lain. Kesesuaian pendapat ini dalam menganalisis maksud *fi'il amr* diperkukuhkan melalui tafsir yang memfokuskan kepada aspek bahasa seperti karya tafsir oleh al-Zamakhshari, Abu Hayyan, al-Razi dan sebagainya. Hasil penelitian terhadap data kajian mendapati terdapat sepuluh ayat dalam surah al-Mulk yang menggunakan *uslub amr* yang berbentuk *fi'il amr*.

a) Tema Ilahiyyat

Ayat-ayat berkaitan tema ini ialah:

1. Ayat 3:

فَارْجِعِ الْبَصَرَ هَلْ تَرَى مِنْ فُطُورٍ ﴿٣﴾

Terjemahan: "Maka lihatlah sekali lagi, adakah kamu lihat sesuatu yang cacat."

¹⁹ Qays Isma'il al-Awsi, *Asalib al-Talab 'ind al-Nahwiyyin wa al-Balaghiyyin* (t.tp.: Ta'lim al-'Ali wa al-Bahth al-'Ilmi, 1988), 17.

Dalam ayat ini Allah memerintahkan manusia supaya memandang langit dan meneliti adakah terdapat kecacatan, kekurangan atau keretakan di dalamnya? Ini adalah bukti bahawa Allah SWT memuliakan ciptaan-Nya dengan menjaganya dari kecacatan dan ini menunjukkan ciptaanNya mempunyai kekuatan dan kesempurnaan dari segala sudut²⁰. Al-Zamakhshari menjelaskan bahawa tiada keraguan pada ciptaan Allah SWT walau dilihat berkali-kali²¹. Ayat ini termasuk dalam perkara *Ilahiyat* kerana ia berkaitan keimanan seseorang kepada Penciptanya iaitu Allah SWT dengan melihat keajaiban ciptaan-Nya yang sempurna dan ciptaan ini membuktikan kewujudan Allah SWT.

Ungkapan *amr* ارجع yang berbentuk *fi'il amr* menyuruh supaya meneliti sama ada terdapat kekurangan atau kecacatan pada alam ciptaan Allah. Secara implisitnya, Allah memerintahkan manusia agar memerhatikan dan merenung pemandangan yang indah dan keajaiban-keajaiban yang diciptakan oleh-Nya yang menunjukkan kesempurnaanNya²². Justeru, Allah SWT menggunakan *fi'il amr* yang menunjukkan arahan secara tegas dan kuat.

2. Ayat 4:

ثُمَّ ارْجِعِ الْبَصَرَ كَرَّتَيْنِ يَنْقَلِبْ إِلَيْكَ الْبَصَرُ خَاسِئًا
وَهُوَ حَسِيرٌ ﴿٤﴾

Terjemahan: “Kemudian ulangi pandangan (mu) sekali lagi (dan) sekali lagi nescaya pandanganmu akan kembali kepadamu tanpa menemukan kecacatan dan ia (pandanganmu)

²⁰ Abu al-Fida' Isma'il bin 'Amr bin Kathir al-Qurashi al-Dimashqi, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* (Riyadh: Dar al-Tayyibah, 1999), 701.

²¹ Abu al-Qasim Mahmud bin 'Umar al-Zamakhshari, *al-Kashshaf* (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 2009), 1125.

²² Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an*, 3628.

dalam keadaan letih (kerana tenaga habis dengan sia-sia).”

Dalam ayat ini Allah mengulangi ayat dengan memerintahkan supaya memandang sekali lagi. Ibn Kathir menjelaskan bahawa walau berapa banyak sekalipun diulangi pandangan tersebut, nescaya ia akan kembali dalam keadaan keletihan dan kehinaan kerana tidak menjumpai sebarang kekurangan pada ciptaanNya²³. Sayyid Qutb pula menjelaskan barangkali pandangan pertama tadi kurang jelas sehingga ada yang tertinggal lalu diperintahkan pandangan untuk kali kedua agar penglihatan tersebut dapat dimantapkan²⁴. Dalam *Tafsir al-Wajiz* pula menjelaskan bahawa perintah pengulangan tersebut sebagai pengajaran dan bertambah keyakinan kerana kesempurnaanNya²⁵.

Ungkapan *amr* ارجع ialah berbentuk *fi'il amr* yang mengulangi perintah supaya melihat atau meneliti kali kedua sama ada adakah terdapat kekurangan atau kecacatan pada alam ciptaanNya. Ibn 'Asyur menjelaskan bahawa *sighah amr* tersebut merupakan petunjuk kepada kaum Musyrikin dan petunjuk yang wajib kepada umat Islam.²⁶ Disebut juga dalam tafsir tersebut bahawa hakikat *بصر* bukan hanya melihat tetapi dengan merenung dan berfikir serta mengambil iktibar terhadap bukti-bukti kewujudan Allah. Hal ini kerana tiada kekurangan pada ciptaan Allah, yang ada hanyalah kesempurnaan dan tiada cacat celanya kerana Allah menciptakannya dalam keadaan yang teliti dan rapi.

²³ Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, 701.

²⁴ Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an*, 3628.

²⁵ Abu al-Hasan 'Ali bin Ahmad al-Wahidi, *al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-'Aziz* (Damsyik: Dar al-Qalam, 1995), 300.

²⁶ Muhammad Tahir Ibn 'Ashur, *al-Tahrir wa al-Tanwir* (Tunisia: Dar Sahnun, 1984), 30.

Al-Zamakhshari²⁷ pula menjelaskan Allah SWT memerintahkan sekali lagi supaya kembali mengamati adakah terdapat kecacatan atau kekurangan pada penciptaan langit. Kemudian tafsir ini menjelaskan lagi bahawa sekalipun mengulangi pandangan seterusnya untuk mencari kekurangan tetap tiada kecacatan atau kekurangan pada ciptaan Allah SWT ini bahkan akan kembali pandangan tersebut dalam keadaan penat dan lelah. Begitu juga yang ada hanyalah kesedihan bagi sesiapa yang mencari kekurangannya.

Jika dilihat dalam ayat ini sama dengan ayat sebelumnya yang merupakan pengulangan bahawa ia berkaitan kepercayaan kepada Allah atau iman seseorang, iaitu yang menciptakan kesempurnaan tersebut hanyalah Allah SWT. Justeru, Allah SWT menggunakan *fi'il amr* yang merupakan suruhan atau permintaan yang ditujukan kepada diri kedua atau *mukhatab* secara sangat tegas dan kuat berbanding bentuk-bentuk *amr* yang lain sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Awsi. Ia menonjolkan keindahan kalam bicara al-Qur'an yang menggunakan teknik bahasa yang sangat tepat bagi menyatakan sesuatu maksud berdasarkan konteksnya.

3. Ayat 13

وَأَسِرُّوا قَوْلَكُمْ أَوِ اجْهَرُوا بِهِ ۗ إِنَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ
الصُّدُورِ ﴿١٣﴾

Terjemahan: "Dan rahsiakanlah perkataanmu atau nyatakanlah (sama sahaja keadaannya kepada Allah) kerana sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala isi hati".

Ayat ini diturunkan setelah orang musyrikin mencari Nabi Muhammad dan sebahagiannya berbisik kepada

²⁷ Al-Zamakhshari, *al-Kashshaf*, 1126.

sebahagian yang lain, "Perlahankan suaramu agar suaramu tidak didengar oleh Tuhan Muhammad". Kemudian turunlah ayat ini yang memerintahkan sama ada merahsiakan atau menzahirkan perkataan tiada beza bagiNya kerana ia sama sahaja bagi Allah. Kemudian disebut lagi supaya berhati-hati dengan dosa yang dilakukan secara rahsia sebagaimana kalian berhati-hati dengannya di khalayak ramai kerana pengetahuan Allah tiada batas²⁸. Manakala Sayyid Qutb²⁹ pula menjelaskan pengetahuan Allah itu sama sahaja sama ada zahir atau tersembunyi kerana Dialah yang menciptakan kita dan mengetahui segalanya sama ada zahir atau sembunyi. Menurut al-Razi dan al-Zamakhshari³⁰ Allah SWT mengetahui apa yang nyata dan tersembunyi, sekalipun apa jua yang ada dalam hati manusia.

Ungkapan *amr* *أسروا* dan *اجهروا* ialah berbentuk *fi'il amr* yang merupakan *taswiyah* iaitu penyamaan³¹. *Taswiyah* bermaksud Allah SWT memberi pilihan kepada manusia sama ada melakukan sesuatu atau tidak melakukannya, dan ia sama sahaja di sisi Allah.³² *Taswiyah* adalah salah satu dari *sighah amr* yang bertujuan untuk menyamakan pengertian antara yang berbuat dengan yang tidak berbuat. Ayat tersebut bukan suruhan atau tuntutan tetapi untuk menyatakan bahawa mereka menyembunyikan atau menzahirkan adalah sama sahaja bagi Allah.

Menurut Ibn 'Ashur, ayat ini sama sebagaimana dalam surah al-Tur ayat 16 iaitu *فَأَصْبِرُوا أَوْ لَا تَصْبِرُوا* bermaksud bukan suruhan atau tuntutan mereka untuk bersabar tetapi untuk menyatakan bahawa mereka bersabar atau tidak adalah sama sahaja bagi mereka³³.

²⁸ Al-Zuhayli, *Tafsir al-Munir*, 22.

²⁹ Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an*, 3630.

³⁰ Al-Razi, *Tafsir al-Kabir*, 66; al-Zamakhshari, *al-Kashshaf*, 1126.

³¹ Ibn 'Ashur, *Al-Tahrir wa al-Tamwir*, 30.

³² 'Abbas, *Ilm al-Ma'ani*, 150.

³³ Ibn 'Ashur, *al-Tahrir wa al-Tamwir*, 30.

Hakikatnya ia merupakan penjelasan yang boleh dipelajari daripada bentuk arahan *fi 'l amr* tersebut.

Ayat tersebut berkaitan perkara *al-Ilahiyyat* kerana membicarakan perkara berkaitan pengetahuan Allah SWT. Kaum kafir menyangka suara yang perlahan itu tidak akan didengari oleh Allah SWT, namun ternyata mereka silap kerana ia sama sahaja bagi Allah sama ada dalam keadaan zahir atau tersembunyi. Sebagaimana dijelaskan bahawakeimanan kepada Allah SWT dicirikan dengan ilmu dan ilmu Allah itu meliputi segala apa yang ada dalam hati dan semuanya di bawah pengawasan Allah SWT³⁴. Justeru, Allah SWT menggunakan *fi 'l amr* yang merupakan suruhan atau permintaan secara sangat tegas dan kuat berbanding bentuk-bentuk *amr* yang lain sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Awsi.

4. Ayat 15

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَأَمْشُوا فِي
مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِن رِّزْقِهِ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ

Terjemahan: “Dialah yang menjadikan bumi untuk kamu yang mudah dijelajahi, maka jelajahilah di setiap penjuruNya dan makanlah sebahagian daripada rezeki-Nya. Dan hanya kepada-Nya kamu (kembali setelah) dibangkitkan”.

Dalam ayat tersebut Allah memerintahkan supaya manusia melakukan perjalanan ke mana pun yang dikehendaki di segenap penjuru sama ada untuk berniaga atau berdagang dalam mencari rezeki. Allah menegaskan supaya makanlah dari rezeki yang diberikan-Nya di

³⁴ Muhammad Hukmi Muhjat Thabit, *Masa'il al-I'tiqad fi Surah al-Mulk*, (Arab Saudi: Jami'ah al-Imam Muhammad bin Su'ud al-Islamiyyah, t.t.), 31.

samping perlu berusaha tetapi dalam masa yang sama bertawakkal kepadaNya³⁵.

Ungkapan *amr* امشوا dan كوا berbentuk *fi'il amr* yang menyuruh supaya berjalan mencari rezeki dan makanlah apa yang ada atas muka bumi ini. Ibn 'Asyur menjelaskan bahawa *sighah amr* tersebut adalah bermaksud *al-dawam* (berterusan) sebagai peringatan atas apa yang dikurniakan Allah kepada mereka supaya berjalan di muka bumi ini dengan rasa syukur³⁶. Hal ini sama sebagaimana pendapat al-Samarqandi³⁷. Begitu juga bagi ungkapan كوا, *amr* tersebut memberi maksud *imtinan* iaitu mensyukuri nikmat Allah SWT dengan tuntutan supaya melakukan sesuatu perkara yang disukai oleh manusia contohnya 'makan' sebagaimana ayat tersebut.

Dari ayat ini dapat difahami bahawa Allah mengingatkan manusia tentang nikmat yang besar di atas muka bumi ini iaitu nikmat tempat tinggal, dapat menghirup udara yang segar, air yang bersih, pelbagai makanan, tanah yang subur dan mudah untuk manusia bercucuk tanam serta bermacam lagi kemudahan yang dikurniakan Allah.³⁸ Al-Qur'an menjelaskan dengan mesej tersirat bahawa ada Pencipta yang mengatur dan mengendalikan seluruh alam ini. Ayat ini secara hakikatnya menunjukkan semua yang berlaku dan wujud adalah dengan izin Allah.

Berdasarkan perincian, ayat tersebut membicarakan berkaitan perintah Allah SWT supaya berterusan menikmati apa yang Allah SWT kurniakan antaranya makanan, minuman serta menjelajahi segenap penjuru atau ke mana yang dikehendaki serta berusaha untuk memperoleh rezeki yang halal namun perlu diingat

³⁵ Ahmad Mustafa al-Maraghi, *Tafsir al-Maraghi* (Mesir: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1946), 77.

³⁶ Ibn 'Ashur, *al-Tahrir wa al-Tanwir*, 31-32.

³⁷ Al-Samarqandi, *Bahr al-Ulum*, 388.

³⁸ Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an*, 3629.

bahawa kepada Allah SWT jualah manusia akan kembali setelah dibangkitkan. Justeru, ayat ini berkaitan *al-Ilahiyyat* kerana Allah SWT sebagai pemberi rezeki. Allah SWT menggunakan *fi'il amr* yang merupakan suruhan atau permintaan secara sangat tegas dan kuat berbanding bentuk-bentuk *amr* yang lain. Pendapat al-Awsi yang menafsirkan makna *fi'il amr* tersebut sangat bertepatan dengan ayat ini kerana ia melibatkan perkara asas dalam Islam iaitu kepercayaan bahawa Allah SWT yang memberi rezeki kepada manusia.

5. Ayat 23

قُلْ هُوَ الَّذِي أَنْشَأَكُمْ وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ
وَالْأَبْصَارَ وَالْأَفْئِدَةَ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ
23

قُلْ هُوَ الَّذِي أَنْشَأَكُمْ وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ
وَالْأَبْصَارَ وَالْأَفْئِدَةَ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿٢٣﴾

Terjemahan: “Katakanlah: Dia yang menciptakan kamu dan menjadikan pendengaran, penglihatan dan hati nurani bagi kamu. Tetapi sedikit sekali kamu bersyukur”.

Allah SWT memerintahkan kepada Nabi Muhammad supaya mengatakan Dialah yang menciptakan manusia dan menjadikan pendengaran, penglihatan dan hati nurani. Menurut Ibn Kathir, ayat ini menjelaskan supaya mentaatinya tetapi hanya sedikit manusia yang menggunakan kemampuan yang dikurniakan untuk mengerjakan perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya.³⁹ Ayat ini merupakan hujah dan bukti

³⁹ Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, 701.

dengan ancaman terhadap ucapan kaum kafir melalui ucapan Rasulullah. Dalam ayat ini digunakan ungkapan berbentuk *fi'il amr* iaitu قُل yang merupakan *tahdid* iaitu ancaman atau peringatan kepada kaum kafir agar merenung hakikat bahawa Allah telah memberikan kurniaan yang besar kepada manusia iaitu.⁴⁰ Ayat ini menjelaskan nikmat penglihatan dan pendengaran yang merupakan nikmat terbesar dianugerahkan kepada manusia. Manakala hati nurani pula ialah kecerdasan untuk memahami sesuatu⁴¹. Dengan nikmat inilah manusia mudah dan senang mencari rezeki.

Ayat ini merupakan ayat *al-Ilahiyyat* kerana terdapat perkataan syukur. Bersyukur dengan hati terhadap apa yang dikurniakan Allah SWT dengan penuh rasa cinta, tunduk serta taat kepadaNya. Hal ini kerana tahap syukur lebih tinggi dari tahap reda kerana ia mengandungi sabar, tawakkal, cinta, khusyu' dan harapan. Bersyukur diamalkan kerana bertambah dan kekalnya nikmat, dan syukur yang paling besar adalah taat kepada Allah SWT dengan beribadah kepadaNya⁴². Justeru, Allah SWT menggunakan *fi'il amr* yang merupakan suruhan atau permintaan secara sangat tegas dan kuat berbanding bentuk-bentuk *amr* yang lain.

6. Ayat 28

قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَهْلَكْنِي أَلَّهُ وَمَنْ مَعِيَ أَوْ رَحِمَنَا فَمَنْ

يُجِيرُ الْكَافِرِينَ مِنْ عَذَابِ أَلِيمٍ ﴿٢٨﴾

Terjemahan: "Katakanlah (wahai Muhammad): Tahukah kamu jika Allah mematikan aku dan orang yang bersamaku atau memberi rahmat kepada kami, (maka kami akan masuk syurga),

⁴⁰ Ibn 'Ashur, *al-Tahrir wa al-Tanwir*, 33.

⁴¹ Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an*, 3620.

⁴² Muhjat Thabit, *Masa'il al-I'tiqad*, 31.

lalu siapa yang dapat melindungi orang kafir daripada azab yang pedih.”

Menurut Hamka, ayat ini merupakan kebencian kaum kafir kepada Nabi Muhammad kerana menyerukan kebenaran kepada mereka dan dengan itu mereka mempertahankan kemusyrikan sebagai pegangan mereka⁴³. Ini kerana kaum kafir tidak mahu berhalab-berhala mereka diganggu dan dicaci. Menurut Sayyid Qutb⁴⁴, dalam ayat ini kaum kafir mengharapkan agar Muhammad dan orang mukmin mati begitu sahaja agar mereka dapat lari dari gangguan dan berehat sehingga mereka menasihati satu sama lain agar bersabar sehingga Nabi Muhammad wafat. Kemudian Allah mengingatkan mereka sekiranya perkara tersebut berlaku ia tetap tidak akan dapat menyelamatkan mereka daripada azab Allah kerana kesesatan mereka. Ini juga telah dijelaskan dalam ayat sebelum ini mengenai Hari Kiamat sebagaimana dibentangkan oleh Allah kepada mereka seolah-olah ia sedang berlaku.

Dalam ayat ini juga digunakan ungkapan berbentuk *fi'il amr* iaitu **فَلْيَحْذَرُوا** yang merupakan peringatan agar mereka merenung nasib diri daripada mengharapkan sesuatu yang sia-sia. Menurut Sayyid Qutb, penggunaan ayat tersebut menggambarkan dua maksud iaitu pertama, dengan cara sindiran dan kedua adalah harapan iaitu memberi peluang kepada mereka agar kembali ke pangkal jalan. Sekiranya Allah terus mengatakan bahawa kaum kafir tidak akan dapat melarikan diri dari azab yang pedih boleh jadi mereka akan terus ambil sikap tidak peduli dan terus berada dalam kesesatan. Boleh jadi juga dengan cara sindiran ini akan dapat meninggalkan kesan dalam hati mereka berbanding daripada berterus terang⁴⁵.

⁴³ Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir al-Azhar* (Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD, 1989), 7544.

⁴⁴ Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an*, 3629.

⁴⁵ *Ibid.*, 3628.

Jika *fi'l amr* merupakan arahan yang sangat tegas sudah pastinya ketegasan itu menyentuh perkara asas dan penting. Begitulah Allah menggunakan bentuk *fi'il amr* untuk menyedarkan kaum kafir bahawa tiada gunanya mereka mengharapkan Nabi dan pengikut-pengikutnya binasa kerana Allah itu kekal dan tidak mati. Ini adalah peringatan bahawa Allah yang menjadikan seluruh muka bumi dan semuanya akan dikumpulkan menghadap-Nya di Padang Mahsyar nanti. Disebabkan oleh keraguan dan pendustaan mereka kepada Allah maka diberi peringatan agar mereka sedar dan merenung nasib diri mereka. Dalam erti kata lain, siapakah yang dapat menyelamatkan mereka daripada azab Allah yang pedih sekiranya mereka terus mendustakan⁴⁶.

Oleh itu, ayat ini berkisar keimanan kepada *qadar* Allah SWT kerana manusia tidak terlepas dari ketentuanNya. Beriman kepada *qadar* Allah SWT merupakan rukun Iman keenam iaitu percaya kepada *qada'* dan *qadar* Allah SWT dengan meyakini semua yang ditentukan telah diatur oleh Allah SWT sama ada ia baik atau sebaliknya. Beriman dengan *qadar* Allah SWT menjadikan manusia yakin dan reda kerana manusia tidak akan ditimpa sesuatu melainkan apa yang telah ditetapkan oleh Allah SWT untuk mereka sebagaimana yang dijelaskan dalam surah al-Taubah ayat 13. Memandangkan ayat ini menjelaskan mengenai kepercayaan atau keimanan kepada *qada'* dan *qadar* maka ia termasuk dalam perkara *al-Ilahiyyat*.

7. Ayat 29

قُلْ هُوَ الرَّحْمَنُ عَمَّتًا بِهِ وَعَلَيْهِ تَوَكَّلْنَا فَسَتَعْلَمُونَ

مَنْ هُوَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٢٩﴾

⁴⁶ *Ibid.*, 3629.

Terjemahan: "Katakanlah: Dialah Yang Maha Pemurah, kami beriman kepada-Nya dan kepada-Nya kami bertawakkal."

Ayat ini adalah berkaitan iman yang memberi gambaran tentang hubungan yang sangat dekat antara Nabi Muhammad dan Allah SWT. Apabila melibatkan iman, maka ia menjadi perkara yang wajib diyakini sebagaimana terdapat dalam rukun iman yang pertama iaitu beriman kepada Allah SWT. Justeru, dalam ayat ini Allah memberi penghormatan kepada Rasul dan orang-orang mukmin agar tidak takut dengan kata-kata kaum kafir kerana hubungan rapat orang mukmin dengan Allah. Iman dan tawakkallah yang merapatkan tali hubungan seorang mukmin dengan Allah⁴⁷.

Dalam ayat tersebut terdapat kalimah *تَوَكَّلْ* yang bermaksud pergantungan dan penyerahan urusan kepada Allah SWT. Tawakkal kepada Allah SWT ialah ikhlas bergantung kepada-Nya dan mencari kecukupan dari-Nya semata-mata. Allah SWT menjadikan tawakkal kepadaNya sebagai syarat sah iman⁴⁸. Justeru, Allah SWT menggunakan *fi'il amr* yang merupakan suruhan atau permintaan secara sangat tegas dan kuat berbanding bentuk-bentuk *amr* yang lain. Pendapat al-Awsi yang menafsirkan makna *fi'il amr* tersebut sangat bertepatan dengan ayat ini kerana ia menjelaskan keimanan kepada Allah SWT agar bertawakkal kepadaNya.

8. Ayat 30

قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَصْبَحَ مَاؤُكُمْ غَوْرًا فَمَنْ يَأْتِيكُمْ
بِمَاءٍ مَّعِينٍ ﴿٣٠﴾

⁴⁷ Muhjat Thabit, *Masa'il al-I'tiqad*, 53; Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an*, 3620.

⁴⁸ Muhjat Thabit, *Masa'il al-I'tiqad*, 37.

Terjemahan: “Katakanlah (wahai Muhammad): terangkanlah kepadaku jika sumber air kamu menjadi kering maka siapa yang akan memberimu air yang mengalir”.

Allah memerintah Nabi Muhammad supaya menyedarkan kaum kafir bahawa hanya Allah lah yang berkuasa mengalirkan sumber mata air bagi kehidupan manusia sesuai kadar keperluannya. Ada yang memerlukan secukupnya dan ada pula yang banyak.⁴⁹ Menurut Sayyid Qutb, ayat ini berupa sindiran kepada kaum kafir dengan menjelaskan azab dunia sebelum azab akhirat iaitu dengan mengharamkan air dari mereka. Ini dijelaskan kerana keraguan mereka terhadap Hari Kiamat sedangkan semua yang berlaku dan kerajaan yang mereka diami sekarang adalah kerajaan Allah SWT. Demikianlah ayat ini menyuruh mereka berfikir apa akan berlaku jika Allah menghalang air yang menjadi sumber utama mereka⁵⁰.

Ayat tersebut termasuk dalam perkara *al-Ilahiyyat* kerana membicarakan mengenai kekuasaan Allah SWT. Tiada yang berupaya melakukannya melainkan Allah SWT. Dialah yang mengurniakan sumber kehidupan paling utama ini kerana air merupakan keperluan manusia. Penggunaan *fi'il amr* merupakan arahan yang sangat tegas dan kuat berbanding bentuk-bentuk *amr* yang lain sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Awsi. Pendapat al-Awsi yang menafsirkan makna *fi'il amr* tersebut sangat bertepatan dengan ayat ini kerana berkaitan kekuasaan Allah SWT yang memberikan sumber kehidupan kepada manusia.

b) Tema *Sam'iyat*

Ayat-ayat berkaitan tema ini ialah:

⁴⁹ Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an*, 3630

⁵⁰ *Ibid.*

1. Ayat 24

قُلْ هُوَ الَّذِي ذَرَأَكُمْ فِي الْأَرْضِ وَإِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٢٤﴾

Terjemahan: “Katakanlah (Muhammad), Allahlah yang telah menciptakan kamu mengembang biak di bumi dan kepadaNya kamu dikumpulkan kembali.”

Allah SWT memerintahkan kepada Nabi Muhammad supaya mengatakan Dialah yang menciptakan manusia yang bertaburan dan berkembang biak di muka bumi ini. Allah SWT juga mengilhamkan manusia bertebaran di muka bumi ini untuk membina kehidupan. Kemudian dijelaskan dalam ayat tersebut manusia yang bertaburan di segenap pelusuk akan dikumpulkan kembali kepada Allah SWT di Padang Mahsyar untuk dihitung segala amalan yang dikerjakan di dunia⁵¹.

Dalam ayat ini juga digunakan ungkapan berbentuk *fi'il amr* iaitu قُلْ yang merupakan peringatan mengenai Hari Kebangkitan. Tugas Nabi Muhammad adalah untuk memberi peringatan setelah diperintahkan Allah namun pengetahuan mengenai hakikat Hari Kebangkitan ini hanya menjadi rahsia Allah SWT. Dalam ayat tersebut Sayyid Qutb menafsirkan bahawa terdapat dua pemandangan iaitu pandangan manusia yang membiak subur dan pandangan manusia yang dikumpulkan kembali di Padang Mahsyar⁵². Kedua-dua dikumpulkan supaya manusia berfikir dan mengambil peringatan bahawa mereka semua mempunyai satu matlamat yang sama iaitu berkumpul di Mahsyar.

Ayat tersebut termasuk dalam perkara *al-Sam'iyat* kerana berkaitan dengan Hari Akhirat yang termasuk dalam rukun iman kelima. Justeru, Allah SWT menggunakan *fi'il amr* yang merupakan suruhan atau

⁵¹ Hamka, *Tafsir al-Azhar*, 7552.

⁵² Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an*, 3628.

permintaan secara sangat tegas dan kuat berbanding bentuk-bentuk *amr* yang lain sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Awsi. Pendapat al-Awsi yang menafsirkan makna *fi'il amr* tersebut sangat bertepatan dengan ayat ini kerana ia melibatkan perkara asas dalam Islam yang termasuk dalam salah satu daripada rukun iman iaitu beriman kepada Hari Kiamat.

2. Ayat 26

قُلْ إِنَّمَا أَلْعَلُّمُ عِنْدَ اللَّهِ وَإِنَّمَا أَنَا نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٢٦﴾

Terjemahan: “Katakanlah (wahai Muhammad): sesungguhnya ilmu (tentang hari kiamat itu) hanya ada pada Allah dan aku hanyalah seorang pemberi peringatan yang menjelaskan.”

Ayat ini memerintahkan Nabi Muhammad supaya menyampaikan maklumat kepada kaum kafir bahawa hanya Allah SWT yang mempunyai pengetahuan tentang Hari Kiamat. Ia sebagai jawapan atas pertanyaan mereka berkaitan hari tersebut. tersebut. Dalam ayat ini juga digunakan ungkapan berbentuk *fi'il amr* iaitu قل yang merupakan peringatan mengenai Hari Kiamat. Tugas Nabi Muhammad adalah untuk memberi peringatan setelah diperintahkan Allah namun pengetahuan mengenai Hari Kiamat tersimpan rapi di sisi Allah SWT. Ayat tersebut merupakan ayat *al-Sam'iyat* yang membicarakan mengenai Hari Kiamat. Ayat ini berkaitan dengan ayat sebelumnya yang menyatakan keraguan kaum kafir terhadap Hari Perhimpunan yang dijanjikan iaitu firman-Nya:

وَيَقُولُونَ مَتَى هَذَا الْوَعْدُ إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٢٥﴾

Terjemahan: “Dan mereka berkata: bilakah datangnya Hari Kiamat yang dijanjikan ini jika kamu benar?”

Justeru, ayat tersebut berkaitan pengetahuan yang menjadi rahsia Allah SWT di mana manusia hanya diwajibkan beriman dengan perkara ghaib tersebut. Pendapat al-Awsi yang menafsirkan makna *fi'il amr* tersebut sangat bertepatan dengan ayat ini kerana ia melibatkan perkara asas dalam Islam dan termasuk dalam salah satu daripada rukun Iman iaitu beriman kepada Hari Kiamat.

Secara umumnya ayat-ayat yang telah dinyatakan di atas boleh diringkaskan sebagaimana dalam jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Ayat-ayat *amr* dalam surah al-Mulk

No.	Bahagian Akidah	Ayat-ayat <i>Amr</i>
1.	Al-Ilahiyyat	فَارْجِعِ الْبَصَرَ هَل تَرَىٰ مِنْ فُطُورٍ 3
2.		ثُمَّ ارْجِعِ الْبَصَرَ كَرَّتَيْنِ يَنْقَلِبْ إِلَيْكَ الْبَصَرُ خَاسِئًا وَهُوَ حَسِيرٌ 4
3.		وَأَسِرُّوا قَوْلَكُمْ أَوِ اجْهَرُوا بِهِ إِنَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ 13
4.		هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ 15
5.		قُلْ هُوَ الرَّحْمَنُ ءَامَنَّا بِهِ وَعَلَيْهِ تَوَكَّلْنَا ... 29
6.		قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَصْبَحَ مَاؤُكُمْ غَوْرًا فَمَنْ يَأْتِيكُمْ بِمَاءٍ مَّعِينٍ 30
7.		قُلْ هُوَ الَّذِي أَنْشَأَكُمْ وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ 23
8.		قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَهْلَكِنِي اللَّهُ وَمَنْ مَعِيَ أَوْ رَحِمَنَا فَمَنْ يُجِيرُ الْكَافِرِينَ مِنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ 28
9.		قُلْ إِنَّمَا أَعْلَمُ عِنْدَ اللَّهِ وَإِنَّمَا أَنَا نَذِيرٌ مُبِينٌ 26
10.		قُلْ هُوَ الَّذِي ذَرَأَكُمْ فِي الْأَرْضِ وَإِلَيْهِ تُحْشَرُونَ 24

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan *fi'il amr* digunakan dalam konteks akidah dalam surah al-Mulk dan tidak digunakan dalam bentuk lain. Ini bertepatan dengan pendapat al-Awsi bahawa *fi'il amr* merupakan arahan yang sangat tegas dan kuat berbanding bentuk-bentuk *amr* yang lain sebagaimana dijelaskan dalam perbincangan kajian ini. Secara logiknya ketegasan itu pastinya menyentuh perkara asas dan penting yang sangat ditekankan. Jelas bahawa surah al-Mulk yang memperincikan keutamaan akidah menggunakan *uslub amr* berbentuk *fi'il amr* sahaja. Ini kerana makna dan tujuan *amr* tersebut sendiri menjelaskan ketegasan unsur akidah. Menariknya ayat-ayat dalam surah ini bukan sahaja menanamkan hakikat kefahaman seorang mukmin terhadap Allah SWT bahkan juga kefahaman terhadap alam serta hubungannya dengan Allah.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa perkara yang melibatkan akidah adalah paling utama kerana ia merupakan perkara asas dalam Islam. Rukun iman yang dinyatakan termasuk dalam perkara asas yang wajib diyakini iaitu beriman kepada Allah, beriman kepada malaikat, beriman kepada kitab-kitab Allah, beriman kepada Rasul dan beriman kepada Hari Kiamat. Oleh yang demikian, digunakan bentuk *fi'il amr* yang menunjukkan ketegasan sebagaimana yang disebutkan al-Awsi dalam konteks ini. Hal ini selari dengan dapatan kajian lain yang turut menunjukkan bahawa semua ayat *amr* dalam surah al-Baqarah adalah berkaitan akidah sahaja.⁵³

Rumusan

Secara kesimpulannya, berdasarkan perbincangan didapati bahawa konteks akidah menggunakan *uslub* berbentuk *fi'il amr* dalam surah al-Mulk. Kajian ini mendapati terdapat

⁵³ Syakirah Rifa'in @ Mohd Rifain, "Analisis Gaya Bahasa Amr Dalam Surah al-Baqarah" (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, 2019), 17.

sepuluh ayat yang menggunakan *fi'il amr* yang merangkumi dua bahagian akidah iaitu *al-Ilahiyyat* dan *al-Sam'iyyat*. Bagi perkara *al-Ilahiyyat*, didapati ayat-ayat tersebut berkaitan dengan keimanan terhadap Allah SWT dan keesaanNya yang menjadi asas rukun iman kerana meliputi zat, sifat dan perbuatan Allah SWT serta yang berkaitan dengannya di samping menjelaskan mengenai kekuasaanNya. Manakala ayat berkaitan *al-Sam'iyyat* adalah berkaitan kehidupan pada Hari Akhirat. Didapati juga perbincangan berkaitan ayat-ayat *al-Ilahiyyat* lebih mendominasi berbanding kategori *al-Sam'iyyat* sementara ayat *al-Nubuwwat* dan *al-Ruhaniyyat* tidak ada perbincangan mengenainya dalam surah al-Mulk.

Berdasarkan pendapat al-Awsi, bentuk *fi'il amr* merupakan arahan yang sangat tegas dan kuat terhadap perkara asas dalam konteks akidah bagi perkara *al-Ilahiyyat* dan *al-Samiyyat* kerana melibatkan keimanan kepada Allah, Malaikat, al-Quran, Rasul dan Hari Kiamat yang wajib diimani oleh orang Islam. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan *uslub amr* dalam al-Qur'an bukanlah penggunaan yang sia-sia kerana setiap *uslub amr* mempunyai maksud dan tujuan tertentu berdasarkan konteks ayat terutama bagi perkara-perkara yang melibatkan akidah. Oleh itu, *uslub amr* merupakan antara komponen penting untuk memastikan mesej atau makna tersirat ayat al-Qur'an dapat disampaikan dengan lebih jelas dan berkesan.

Pada asalnya, *amr* merupakan perintah yang wajib dilaksanakan, namun disebalik kewajipan tersebut ada tujuan-tujuan tertentu untuk menyampaikan makna konteks ayat *amr* dengan jelas. Justeru, penggunaan setiap *uslub amr* dalam al-Qur'an perlu difahami secara mendalam untuk memahami konteks ayat dengan baik.

Rujukan

'Abbas, Fadl Hasan. *Ilm al-Ma'ani*. Jordan: Dar al-Furqan, 1997.

- Abdullah Basmeih. *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr, 1997.
- Al-Awsi, Qays Isma'il. *Asalib al-Talab 'ind al-Nahwiyyin wa al-Balaghiyyin*. Baghdad: Wizarah al-Ta'lim al-'Ali wa al-Bahth al-'Ilmi, 1988.
- Al-Bayjuri, Ibrahim Muhammad al-Shafi'i. *Tuhfat al-Murid*. Beirut: Dar 'Ilmiyyah, 2004.
- Al-Banna, Hassan. *Majmu' al-Rasa'il*. t.tp: t.p, t.t..
- Al-Maraghi, Ahmad Mustafa. *Tafsir al-Maraghi*. Mesir: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1946.
- Al-Razi, Fakhr al-Din. *Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghayb*. Lubnan: Dar al-Fikr, 1981.
- Al-Sabuni, Muhammad 'Ali. *Safwah al-Tafasir*. Kaherah: Dar al-Sabuni, t.t..
- Al-Samarqandi. *Bahr al-Ulum*. Kaherah: Kuliyyah al-Lughah al-'Arabiyyah, Universiti al-Azhar, t.t..
- Al-Wahidi, Abu al-Hassan 'Ali bin Ahmad. *Al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-'Aziz*. Damsyik: Dar al-Qur'an, 1995.
- Al-Zamakhsyari, Abu al-Qasim Mahmud bin 'Umar. *Al-Kashshaf*. Beirut: Dar al-Ma'arif, 1981.
- Al-Zuhayli, Wabbah. *Tafsir al-Munir*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir, 1999.
- Ibn 'Ashur, Muhammad Tahir. *Al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunisia: Dar Sahnun, 1984.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Amr bin Kathir. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Riyadh: Dar al-Tayyibah, 1999.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad bin Makram. *Lisan al-'Arab*. Kaherah: Dar al-Ma'arif, t.t.
- Mohd Aizam Mas'od. *Diskusi Isu Akidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013.
- Mohd Fauzi Hamat, Mohd Hasrul Shuhari, Muhammad Hafizi Rozali, Ahmad Hafiz Ali Makdom. "Pendalilan Naqli dan 'Aqli tentang Wujud Allah menurut al-Ghazali Berdasarkan Kitab Ihya' 'Ulum al-Din." *Afkar*:

Syakirah Rifa'in et al., "Konsep *Uslub Amr* bagi Konteks Akidah dalam Surah al-Mulk berdasarkan Pendapat al-Awsi," *Afkār* Vol. 25 No. 1 (2023): 327-360

Jurnal Aqidah & Pemikiran Islam 23(1) (2021): 91-138, <https://doi.org/10.22452/afkar.vol23no1.3>

Mohd Nasir Utut & Faizuri Abd Latif. "Beberapa Penelitian Terhadap Konsep Azab Kubur Menurut Tuan Minal Melalui Karyanya *Kashf Al-Ghaybiyyah*." *Afkar: Jurnal Aqidah & Pemikiran Islam* 23(1) (2021): 49-90, <https://doi.org/10.22452/afkar.vol23no1.2>

Muhammad bin Ibrahim al-Hamd. '*Aqidah Ahl Sunnah wa al-Jama'ah*. Riyadh: Dar Ibn Khuzaymah, 1998.

Muhjat Thabit, Muhammad Hukmi. *Masa'il al-I'tiqad fi Surah al-Mulk*. Arab Saudi: Jami'ah al-Imam Muhammad bin Su'ud al-Islamiyyah, t.t..

Sabiruddin. "Akidah Asas Kesempurnaan Insan." *Jurnal Al-Hikmah* 4 (2012): 106-110.

Sayyid Qutb. *Fi Zilal al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Shuruq, 1972.

Syakirah Rifa'in @ Mohd Rifain. *Analisis Gaya Bahasa Amr Dalam Surah al-Baqarah*. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2019.

Syakirah Rifa'in et al., "Konsep *Uslub Amr* bagi Konteks Akidah dalam Surah al-Mulk berdasarkan Pendapat al-Awsi," *Afkār* Vol. 25 No. 1 (2023): 327-360